

## Kerjasama penuntut UMT, penduduk kukuhkan hubungan

*SH 28/3/09 p8. T18*

**TELAGA BATIN** – Kedatangan kira-kira 80 penuntut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi mengikuti Program Gotong-Royong Kitar Semula yang akan berlangsung 28 Mac ini sememangnya peluang yang sangat dinantikan penduduk di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Telaga Batin, Che Hussin Che Muda berkata, meskipun ia bukan program julung kali diadakan bersama penuntut institut pengajian tinggi (IPT), namun persediaan rapi tetap menjadi keutamaan.

"Kita berharap melalui kerjasama ini akan mengukuhkan lagi hubungan kami memandangkan lokasi universiti tersebut (UMT) yang boleh dianggap berjiran juga turut menuntut lebih penglibatan

dalam aktiviti sedemikian.

"Justeru, saya berharap semua penduduk tidak melepaskan peluang mengikuti program yang dijangka berlangsung sehari ini dan akan dimanfaatkan sebaiknya oleh kedua-dua belah pihak," katanya.

Menurut Che Hussin, selain memberi fokus membersihkan kawasan kampung, pelbagai aktiviti sampingan seperti sukaneka dan boling buah kelapa turut dimuatkan dalam program bersama itu nanti.

"Penganjuran aktiviti ini juga memberi peluang kepada kami untuk memperkenalkan bangunan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di sini yang penuh dengan kegiatan sampingan seperti tanaman buah naga, salad dan perternakan ikan keli secara akuapronik," katanya.